

Inflasi negara meningkat 4.4 peratus

Oleh SHAFIQAH SHUKOR
ekonomiutusan@mediamulla.com.my

PETALING JAYA: Kadar Inflasi terkini negara, yang diukur daripada Indeks Harga Pengguna (IHP) meningkat 4.4 peratus kepada 127.9 pada Julai lalu berbanding 122.5 bulan yang sama tahun sebelumnya, didorong oleh kenaikan harga makanan.

Kenaikan itu adalah yang tertinggi dalam tempoh lebih setahun.

Peningkatan kadar inflasi itu juga adalah lebih tinggi berbanding 3.4 peratus yang dicatatkan pada Jun lalu, lapor Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ujarnya, indeks makanan yang meningkat 6.9 peratus kekal menjadi penyumbang utama kenaikan inflasi pada Julai.

“Namun begitu, terdapat item makanan yang menunjukkan momentum peningkatan yang lebih perlahan berbanding Jun 2022. Antaranya ialah subkumpulan ikan & makanan laut (4.2 peratus) dan sayur-sayuran (7.1 peratus).

“Peningkatan inflasi Malaysia pada Julai turut disebabkan oleh kesan asas yang lebih rendah pada tahun lalu berikutan pemberian diskaun bil elektrik dari lima hingga 40 peratus mengikut jumlah penggunaan kepada pengguna domestik di bawah



KENAIKAN harga makanan mendorong peningkatan kadar inflasi negara pada Julai 2022 ke paras tertinggi dalam tempoh lebih setahun. - GAMBAR HIASAN

Pakej Perlindungan Rakyat dan Pemulihan Ekonomi (Pemulih) pada Julai sehingga September 2021.

“Selain daripada kumpulan makanan, kesemua kumpulan lain juga terus merekodkan peningkatan kecuali komunikasi yang kekal tidak berubah berbanding pada bulan yang sama tahun sebelumnya.

“Restoran & Hotel meningkat



5.8 peratus diikuti oleh pengangkutan (5.6 peratus), hiasan,

perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (4.0 peratus) dan pe-

rumahan, air, elektrik, gas & bahan api lain (3.8 peratus).

“Sementara itu, perkhidmatan rekreasi & kebudayaan turut mencatatkan peningkatan sebanyak 2.5 peratus, pelbagai barangan & perkhidmatan (2.1 peratus) dan pendidikan (1.2 peratus),” katanya dalam kenyataan.

DOSM berkata, inflasi bagi tempoh Januari hingga Julai 2022 meningkat 2.8 peratus berbanding tempoh yang sama tahun sebelumnya. Bagi perbandingan bulanan, ia berkata inflasi meningkat 0.4 peratus berbanding Jun 2022.

Jelasnya, peningkatan itu disumbangkan terutamanya oleh peningkatan restoran & hotel (0.8 peratus) dan makanan & minuman bukan alkohol (0.7 peratus).

“Ini diikuti oleh hiasan, perkakasan & penyelenggaraan isi rumah (0.6 peratus) dan pengangkutan (0.5 peratus).

“Inflasi teras dan inflasi tanpa bahan api masing-masing telah mencatatkan peningkatan 3.4 peratus dan 4.2 peratus pada Julai 2022 berbanding bulan yang sama tahun sebelumnya.

“Kesemua inflasi negeri menunjukkan peningkatan dalam inflasi di mana tiga negeri meningkat melebihi paras inflasi nasional 4.4 peratus,” katanya.